

Teks: Shanmugam Muniandy

/Susur Budaya

*Tamil, Punjabi, Malayali, Telugu bersatu,
Dalam Malaysia, keharmonian terbuka,
Sebuah keluarga, bersama Cina dan Melayu,
Pelangi budaya, bersinar selalu merdu.*


Komuniti India di Malaysia telah berakar umbi sejak lama dahulu dengan membawa kepelbagaian budaya, warisan, dan sumbangan yang kaya kepada landskap budaya Malaysia. Satu daripada ciri penting dalam budaya komuniti India di Malaysia ialah kepekaan terhadap kebudayaan sendiri sambil bersatu dalam kepelbagaian masyarakat Malaysia secara keseluruhan.

Perayaan keagamaan seperti Deepavali, Pongal dan Thaipusam dianyam di dalam kalendar kebudayaan Malaysia dan dirayakan bersama. Dengan perkongsian ini, hubungan antara etnik India dengan etnik lain di Malaysia menjadi semakin kuat dan memberikan ruang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang kepelbagaian yang menjadi asas perpaduan negara.

Kaum India merupakan kumpulan ketiga terbesar dengan mewakili 6.8 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia, selepas Melayu dan Cina. Mereka menyumbang kepada seni, muzik, tarian, masakan dan industri perniagaan di Malaysia dengan pengaruh yang besar. Walaupun banyak generasi telah berlalu sejak kedatangan mereka di Malaysia, masyarakat India tetap memelihara warisan budaya dan tradisi dengan bangga. Sebahagian besar warganegara India di Malaysia berasal daripada bahagian selatan negara India.

Etnik dalam kalangan masyarakat India di Malaysia juga beraneka ragam, antaranya termasuklah Tamil, Punjabi, Telugu dan Malayali. Setiap etnik ini juga mempunyai warisan unik, bahasa, adat resam, dan tradisi masing-masing yang

Warna-warni Komuniti India di Malaysia



memberikan kepelbagaian yang menarik kepada komuniti India di seluruhnya.

Kebanyakan orang India di Malaysia merupakan orang Tamil yang berkomunikasi menggunakan bahasa Tamil dalam kehidupan harian. Bahasa Tamil merupakan bahasa Dravidian yang kaya dengan warisan sastera. Bahasa ini merupakan satu daripada bahasa tua di dunia dan mempunyai pengaruh yang besar terhadap seni, muzik dan budaya masyarakat orang India.

Bahasa Tamil mempunyai aksara yang unik dan pelbagai dialek. Bahasa Tamil mempunyai tempat istimewa dalam hati penuturnya, sastera klasik dan puisi Tamil masih dihayati dan diraikan. Pakala pakaian tradisional orang Tamil ialah sari bagi golongan wanita dan dhoti bagi golongan lelaki. Walaupun bukan dijadikan pakaian harian, pakaian tradisional ini masih digunakan dalam upacara formal seperti hari perayaan, kahwin dan upacara adat.

Selain itu, makanan orang Tamil juga amat popular di Malaysia, terutamanya masakan Chettinadu yang berasal dari wilayah Chettinadu di Tamil Nadu, India. Makanan ini mempunyai citarasa yang ketara dalam dunia masakan Malaysia. Gaya unik masakan ini menarik perhatian kepelbagaian rempah dan rasa yang memberikan rasa yang mendalam dan kompleks. Di Malaysia, masakan gaya Chettinadu membawa perubahan dalam pilihan hidangan, peluang perniagaan keanekaragaman rasa bagi penduduk tempatan. Masakan gaya Chettinadu dikenali dengan penggunaan

rempah seperti lada hitam, jintan putih, dan jintan manis yang memberikan aroma dan rasa yang kaya kepada hidangan. Dalam hidangan Chettinadu, daging dan sayuran sering dimasak dalam kuah berempah yang kaya dengan rempah tersebut. Hidangan seperti *Chicken Masala*, *Mutton Varuval*, dan *Rasam* ialah contoh hidangan yang popular dalam masakan gaya Chettinadu.

Bagi aspek perayaan pula, masyarakat Tamil yang beragama Hindu menyambut Thaipusam secara besar-besaran, dan lebih meriah berbanding dengan perayaan di India. Dewa Murugan yang dikenali sebagai dewa orang Tamil merupakan figura utama sambutan ini. Selain itu, masyarakat Tamil juga meraikan Pongal yang dikenali sebagai pesta menuai. Kedua-dua perayaan ini disambut pada bulan *Thai* dalam kalendar solar Tamil.

Seterusnya, antara etnik nyata dalam kalangan orang India di Malaysia termasuklah orang Telugu. Bahasa Telugu menjadi bahasa identiti mereka dan kebanyakan masyarakat Telugu di Malaysia berupaya bertutur

menggunakan bahasa tersebut. Satu daripada keunikan

masyarakat Telugu Malaysia ialah mereka berupaya bertutur empat bahasa secara purata termasuklah bahasa Tamil.

Rata-rata masyarakat Telugu datang ke Tanah Melayu bermula dari Pulau Pinang dan menetap di Bagan Datoh, Perak sebelum merantau ke seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Masyarakat ini sering ditemukan di ladang getah dan kelapa di Perak, Johor dan Kedah. Bagan Datoh kekal sebagai pusat sejarah penting bagi orang Telugu di Malaysia dengan banyak aktiviti kebudayaan yang masih dijalankan di Kuil Sri Venkateswara. Aktiviti kebudayaan mereka juga sangat menarik dan unik.

Kuchipudi ialah seni tarian yang terkenal dalam kalangan masyarakat Telugu. Tarian ini yang berasal dari kampung yang bernama Kuchipudi di daerah Krishna merupakan satu daripada lapan tarian klasik India yang utama. Kuchipudi ialah persembahan drama tarian dengan asal usulnya dalam teks Hindu Sanskrit kuno *Natya Shastra*. Tarian ini diwujudkan sebagai seni keagamaan yang dikaitkan dengan kuil dan kepercayaan rohani.

Ugadi pula merupakan satu perayaan Telugu yang diraikan paling meriah



Kaum India mewakili 6.8 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia.



Appam atau lempeng merupakan makanan tradisi bagi masyarakat Malayali.

terutamanya oleh warga Telugu Malaysia. Tahun Baharu Telugu ini juga terkenal dengan masakan yang dikenali sebagai *Ugadi Pachadi*. Makanan ini diperbuat daripada pes asam jawa (masam), bunga *neem* (pahit), gula perang atau *jaggery* (manis), garam meja (garam), cili hijau (pedas) dan mangga mentah (astringen). Makanan ini merupakan peringatan secara simbolik bahawa fasa kehidupan yang kompleks harus dijangkakan secara munasabah pada tahun baharu.

Muzik Punjabi juga terkenal di sebahagian besar dunia terutamanya genre Bhangra. Lagu *Tunak Tunak Tun* masih menjadi kegemaran orang Malaysia.

Etnik seterusnya, iaitu Malayali, juga memiliki jumlah yang banyak di Malaysia biarpun rendah berbanding dengan orang Tamil. Malayalam merupakan bahasa yang dituturkan oleh orang Malayali dan juga berasal daripada cabang bahasa Dravidian seperti Tamil dan Telugu. Aksara Malayalam yang mempunyai bentuk lengkung dan mempunyai sistem penulisan berdasarkan bunyi menjadikannya unik dalam kumpulan bahasa Dravidian.

Kebanyakan orang Malayali berhijrah dari Travancore, Cochin dan wilayah Malabar ke Tanah Melayu. Sebilangan kecil daripada mereka berasal dari daerah seperti Wayanad dan Idukki. Oleh sebab itu, banyak dialek Malayalam dituturkan di Tanah Melayu pada

mulanya. Pada hari ini, Malayalam hanya digunakan sebagai bahasa pertuturan di rumah dan untuk tujuan rasmi berkaitan dengan acara yang diadakan oleh Persatuan Malayalee.

Kathakali pula merupakan satu bentuk utama tarian klasik India yang ikonik kepada masyarakat Malayali. Tarian ini termasuk dalam genre seni "permainan cerita" tetapi dibezakan dengan solekan dan pakaian tradisional pelakon lelaki yang berwarna-warni. Onam pula merupakan perayaan menuai tahunan India yang disambut oleh penganut Hindu Malayali. Menurut legenda Hindu, Onam disambut di Kerala bagi mengenang tadbir urus yang baik di bawah pemerintahan Raja Daitya, Mahabali, seorang raja mitos yang pernah memerintah Kerala.

Makanan tradisional Malayali juga mempunyai pengaruh besar dalam kehidupan orang India terutamanya di Malaysia. Sebagai contohnya, *appam* merupakan lempeng yang diperbuat daripada adunan yang ditapai. Adunan



Masyarakat Punjabi.



Hari Thaipusam diraikan saban tahun oleh penganut Hindu di Malaysia.

diperbuat daripada tepung beras dan ditapai menggunakan ragi.

Berbanding dengan etnik lain, masyarakat Malayali turut terdiri daripada masyarakat yang menganuti agama Islam disebabkan oleh masyarakat Islam Malabari yang berhijrah ke Tanah Melayu dari Malabar, India. Pulau Pinang dan Johor Bahru ialah tempat yang terkenal dalam masyarakat Islam Malabari di Malaysia.

Oleh sebab Islam ialah faktor penyatuan dalam kalangan orang Malabari dan orang Melayu di Pulau Pinang, banyak perkahwinan campur berlaku dalam masyarakat Islam Malabari di Pulau Pinang sehingga menyebabkan pengaruh budaya Melayu dalam aktiviti harian mereka. Madrasah Darul Salam di Ulu Tiram merupakan satu daripada sebuah madrasah yang ditubuhkan oleh umat Islam Malabari.

Masyarakat Punjabi merupakan etnik yang paling cetara di Malaysia biarpun memiliki jumlah yang sedikit berbanding dengan yang lain. Tidak seperti kumpulan etnik masyarakat India di Malaysia yang dibicarakan sebelumnya, bahasa Punjabi

berasal daripada bahasa Indo-Aryan yang berasal dari wilayah Punjab, Pakistan dan India. Bahasa ini juga mempunyai dua bentuk skrip untuk penulisan, iaitu *Gurmukhi* dan *Shahmuki*. Namun demikian, skrip Gurmukhi yang digunakan secara dominan.

Agama Sikh merupakan agama majoriti bagi etnik Punjabi dan masih dipraktikkan di Malaysia pada hari ini. Penghijrahan Sikh ke Tanah Melayu bermula pada tahun 1873. Peneroka Sikh terawal ialah anggota polis. Sikh Gurdwara pertama ditubuhkan di Cornwallis pada tahun 1873 bagi kegunaan anggota polis. Sikh Gurdwara awam pertama ditubuhkan pada tahun 1903 di Pulau Pinang. Orang Sikh menduduki jawatan tertinggi dalam tentera dan polis ketika pemerintahan British di Malaysia.

Muzik Punjabi juga terkenal di sebahagian besar dunia terutamanya genre Bhangra. Lagu *Tunak Tunak Tun* masih menjadi kegemaran orang Malaysia. Selain itu, gula-gula Punjabi seperti Jalebi, Gulab Jamun, Kulfi dan Khoya juga terkenal di Malaysia dan dinikmati oleh masyarakat pelbagai kaum.

Secara keseluruhannya, keistimewaan pelbagai etnik dalam kalangan masyarakat India di Malaysia melahirkan sebuah landskap budaya yang kaya dan mengasyikkan. Kepelbagaian dalam bahasa, budaya, makanan, pakaian dan perayaan ini mencipta keharmonian yang unik di negara ini. Melalui hubungan yang erat antara etnik India dengan etnik-etnik lain, kekayaan budaya dan pemahaman antara satu sama lain terus berkembang.

Dengan setiap etnik membawa ciri-ciri unik yang tersendiri, masyarakat India di Malaysia turut berperanan penting dalam membentuk identiti kebudayaan negara ini. Keistimewaan ini memberikan warna dalam kehidupan masyarakat Malaysia, serta mengukuhkan perpaduan dalam suasana terangkum yang sentiasa berkembang. **DB**



Pookalam merupakan kolam bunga yang dihasilkan daripada pelbagai jenis bunga yang melambangkan kedamaian dan keharmonian.